


Kejayaan Cemerlang KIK menutup tirai 2010



“ Coming together is a beginning.
Keeping together is a progress.
Working together is a success...”

Kumpulan Inovatif dan Kreatif atau ringkasnya KIK PKMA yang telah ditubuhkan pada 5 Mei 2009 telah menempah beberapa kejayaan sepanjang 2010.

Penyertaan projek pertama *i-Solution* di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), UNIMAS yang dianjurkan oleh pihak Bahagian Jaminan Kualiti, UNIMAS pada 29 Jun 2010 merupakan langkah pertama bagi kumpulan tersebut apabila memenangi tempat kedua.



Seterusnya, *i-Solution* telah diberi peluang untuk menyertai

pertandingan Konvensyen KIK Peringkat Malaysian Productivity Corporation (MPC) Sabah & Sarawak pada 21 & 22 Julai 2010 di Pullman, Kuching Sarawak. Kumpulan tersebut telah menerima Anugerah Pingat Emas. *i-Solution* juga telah turut serta dalam Konvensyen KIK Sektor Awam Peringkat Bahagian/ Zon Sarawak 2010 pada 7 & 8 Julai 2010 bertempat di Hotel Riverside Majestic, Kuching.

i-Solution juga telah mempersembahkan projek mereka kepada pihak pengurusan UNIMAS di Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS pada 7 Ogos 2010 bertempat di Borneo Convention Centre, Kuching.

i-Solution mengorak langkah setapak lagi ke tahap yang lebih tinggi apabila projek sulungnya dipilih untuk mewakili UNIMAS ke Konvensyen KIK Kebangsaan 2010 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 7 - 9 Oktober 2010 bertempat di Genting International Convention Centre (GICC), Genting Highland, Pahang. Sekali lagi kejayaan projek terselrah apabila projek dianugerahkan Emas (Dua Bintang) di Konvensyen tersebut.

Sejak akhir ini, kumpulan tersebut sering menerima undangan untuk berkongsi ilmu dan pengalaman. Pada 04 Oktober 2010, *i-Solution* telah menerima jemputan dari Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) untuk sesi perkongsian projek KIK sempena sambutan Hari Kuaiti DBKU. *i-Solution* juga telah dijemput untuk sesi perkongsian di Mini Konvensyen UiTM pada 28 Oktober, 2010.

Anugerah-anugerah yang telah diperolehi banyak memberi semangat kepada ahli kumpulan untuk terus maju ke hadapan dengan projek-projek yang seterusnya. Ahli kumpulan juga bertekad untuk meningkatkan kualiti dan inovasi Pusat ke arah menyokong usaha UNIMAS dalam meningkatkan kualiti pengurusan yang berterusan.

Secara keseluruhannya, projek sulung *i-Solution* yang bertajuk “Proses Penyelenggaraan PC di Makmal Komputer Mengambil Masa Yang Lama” telah memberi faedah yang besar kepada PKMA kerana ia dapat merealisasikan budaya kualiti dan inovasi seiring dengan polisi, meningkatkan produktiviti staf yang mengurus makmal komputer dengan lebih berkesan dan menaikkan imej jabatan selaras dengan visi dan misi jabatan.

